

**Kerajaan Di Cadangkan Kurangkan Caj Sosial Kepada Rakyat.
Bernama
Jun 27, 2011**

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Kerajaan dicadangkan mengurangkan kadar caj sosial perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan perumahan bagi mengurangkan kos hidup rakyat yang semakin meningkat, kata Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) Muhammad Sha'ani Abdullah.

Beliau berkata langkah itu dilihat mampu menjimatkan perbelanjaan pengguna sekaligus dapat menggunakan wang berkenaan bagi keperluan yang lebih mendesak.

"Meskipun pendapatan isi rumah itu tidak boleh dinaikkan dalam tempoh yang singkat melalui pengurangan caj ini pengguna dapat menampung pembelian sesuatu barangan keperluan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semalam berhubung pertambahan satu lagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu memerangi kos kehidupan yang kian meningkat sebagai usaha membantu bebanan rakyat.

Pertambahan NKRA kepada tujuh bidang berbanding enam sebelum ini dibuat berdasarkan kajian dan penilaian terhadap tuntutan serta kehendak rakyat.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Dr Maamor Osman berkata bagi memantapkan lagi NKRA itu, penglibatan semua pihak penting bagi memastikan ia mencapai sasaran yang sebenar.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Pekedai Bumiputra Wilayah Persekutuan (PPPBWP) Mithlan Samijoo, yang turut menyokong pengumuman itu, berkata keputusan kerajaan itu tepat dengan situasi harga barangan keperluan yang meningkat setiap tahun.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=604717>